dan dunia luar. Kajian melestarikan permainan tradisional perlu diperkasakan bagi memastikan kebudayaan permainan tradisional tidak mati begitu sahaja.

Perubahan globalisasi dan kemunculan budaya popular telah mengurangkan minat generasi muda terhadap permainan tradisional. Kemunculan permainan moden dan berteknologi telah menukar hampir keseluruhan pola bermain kanak-kanak. Permainan yang dahulunya dimainkan di luar rumah telah beralih ke layar telefon. Sebagai akibat perkembangan teknologi yang drastik, telefon mudah alih turut mengalami perubahan. Telefon yang dahulunya digunakan untuk menghantar pesanan ringkas (SMS) dan membuat panggilan kini telah berubah kepada telefon pintar. Kebanjiran pelbagai jenis telefon pintar ini telah mempengaruhi kehidupan masyarakat kini.

Selari dengan perkembangan ini, wujud pembangunan dari pelbagai jenis perisian aplikasi mudah alih (Khodijah, Rafiza & Nufran, 2015). Aplikasi mudah alih atau aplikasi telefon pintar ialah aplikasi yang dibangunkan dan digunakan pada telefon pintar, tablet dan peranti mudah alih (Shahdatunnaim Azmi, 2013). Aplikasi atau apps telah mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan kebiasaannya dikendalikan oleh pemilik sistem operasi mudah alih seperti Apple Apps Store, Google Play Store, Blackberry Apps World dan Windows Store. Dengan bantuan sistem operasi ini, pengguna dapat memuat turun pelbagai jenis aplikasi. Aplikasi ini didatangkan dalam bentuk hiburan seperti permainan, buku, filem dan sebagainya. Kewujudan pelbagai aplikasi ini telah memudahkan kehidupan pengguna. Pengguna boleh mengaplikasikannya tanpa batasan lokasi dan masa dengan hanya memuat turun aplikasi yang dikehendaki.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam perkembangan ini. Pelbagai aplikasi telah dihasilkan termasuk aplikasi dalam bidang permainan, pendidikan, perbankan, kesihatan dan sebagainya. Aplikasi mudah alih boleh digunakan sebagai platform untuk memberikan pendedahan awal dalam pendidikan. Pendedahan awal ini boleh disamaertikan dengan pendidikan mobile learning (mLearning). Mobile Learning ini merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dikenali sebagai pembelajaran melalui peralatan komputer (Quinn, 2000). Melalui mobile learning, informasi dapat dikembangkan. Menurut Sawyer dan Williams (2003), teknologi informasi ialah istilah umum yang mendeskripsikan pelbagai jenis teknologi yang membantu untuk produksi, manipulasi, menyampaikan komunikasi dan sebagai medium meluaskan informasi.

Populariti permainan berbentuk aplikasi meningkat dengan drastiknya di seluruh dunia termasuk Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa pada 2013 (Digi Cybersafe, 2015) yang menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai jumlah “warga digital” keempat tertinggi di dunia. Hal ini menunjukkan betapa perkembangan dan penggunaan teknologi memainkan peranan yang penting terhadap kehidupan masyarakat di Malaysia. Malah pada masa ini, memiliki telefon pintar bukan lagi satu keperluan tetapi ia adalah kehendak dan ia mampu dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat tidak mengira usia.

Kehadiran telefon pintar telah banyak mengubah gaya hidup masyarakat terutamanya dalam kalangan pemain aplikasi permainan seperti kanak-kanak. Konsep telefon pintar mudah alih mampu membuatkan setiap aplikasi permainan boleh dimainkan pada bila-bila masa tanpa mengira tempat. Kini permainan telefon mudah alih dilihat menjadi pilihan utama kanak-kanak. Pelbagai permainan boleh dimuat

turun ke dalam telefon. Antara permainan yang popular dimainkan pada masa ini ialah Angry Bird, Clash of Clans, Pokemon Go, Candy Crush dan pelbagai lagi. Sekiranya permainan tidak mengikuti perkembangan teknologi, permainan itu dianggap ketinggalan zaman dan tidak memenuhi cita rasa kanak-kanak sekarang (Utusan Online, 2004).

Menurut data yang diperoleh daripada historydegree.net dan RN Public Relations (2017), platform permainan digital yang menjadi pilihan ramai ialah permainan dalam telefon mudah alih dengan 32% dan dijangka pada tahun 2020 permainan dalam telefon mudah alih akan meningkat daripada jumlah sedia ada. Hal ini dilihat dapat memberikan manfaat terutama kepada pembina dalam menghasilkan aplikasi permainan yang boleh memberi manfaat dan menarik untuk dimainkan.

Teknologi informasi dapat disimpulkan sebagai satu alat atau medium yang dapat menyebarkan sesuatu maklumat. Teknologi informasi juga turut dipengaruhi oleh media baharu yang semakin berkembang. Menurut Wan Abdul Kadir (1998), dalam bukunya yang berjudul Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran dengan perkembangan sistem komunikasi, seni dapat tersebar dengan meluas dan diminati. Sekiranya platform teknologi digunakan dengan berkesan permainan tradisional dapat dikekalkan. Penggunaan sistem komunikasi terutama dalam bentuk mudah alih, dapat mengintegrasikan permainan tradisional dengan lebih menarik dan terkini kepada kanak-kanak.

Secara umumnya, penyelidikan ini ialah kajian mengenai pemeliharaan permainan tradisional dalam konteks media baharu dengan menggunakan aplikasi mudah alih. Melalui penggunaan konteks media baharu yang semakin berkembang,

permainan tradisional dapat dikongsidengan berkesan kepada kanak-kanak. Istilah media baharu merujuk media digital yang memiliki sifat interaktif dan mampu berkomunikasi secara dua hala (Manovich, 2001). Berdasarkan pengertian tersebut, media baharu ialah gabungan antara media lama dengan media baharu yang menghasilkan interaktif untuk menyebarkan informasi.

Media baharu ialah penggunaan komputer dan kemampuan sesebuah media berinteraksi dengan penerima informasi (Robert K. Logan, 2010). Melalui proses komunikasi hasil penggunaan media baharu akan lebih memberikan kepuasan kepada penggunanya. Malah melalui penggunaan media baharu juga penyebaran informasi terhasil dengan lebih mudah dan pantas. Kemunculan era digital jelas membuatkan kanak-kanak lebih cenderung kepada permainan berbentuk elektronik (D.J. Dolasoh, 2015). Permainan digital juga mampu menyumbang pada perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Malah terdapat banyak kajian tentang penggunaan permainan digital dalam usaha meningkatkan kefahaman kanak-kanak dalam pendidikan.

Terdapat banyak faedah yang boleh diperoleh dengan belajar melalui permainan digital. Antara faedahnya adalah dapat meningkatkan motivasi murid-murid (Marc Prensky, 2003), mengingat fakta di samping menyelesaikan masalah yang kompleks (P. Felica, 2009) dan meningkatkan kepantasan berfikir dalam menyelesaikan masalah (R. Schaaf, 2013). Faedah yang lain adalah dapat meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan kemahiran ICT (N. Peirce, 2013). Malah melalui permainan digital kanak-kanak dapat meningkatkan koordinasi antara tangan dengan mata di samping dapat meningkatkan fokus bagi kanak-kanak yang menghadapi masalah gangguan perhatian (T. Chuang, I. Lee, W. Chen & C. Chou (2009); R. Schaaf (2013).

Jelaslah bahawa, permainan bersifat digital mampu menarik minat dan tumpuan generasi muda untuk lebih fokus dan mendalami sesuatu penyampaian dengan lebih berkesan. Penggunaan teknologi dilihat mampu melestarikan permainan tradisional dalam konteks pendidikan pada hari ini kerana ia dilihat lebih sesuai dan lebih dekat dengan keperluan generasi kini. Melalui hebahan dan penyampaian maklumat yang betul, informasi permainan tradisional dapat dilestarikan dengan lebih berkesan. Bagi meneruskan legasi permainan tradisional ini, medium permainan tradisional perlu diintegrasikan kepada bentuk digital. Ia perlu dilaksanakan supaya generasi kini dapat mengenali warisan permainan tradisional.

1.3 Latar Belakang Masalah

Sebelum berkembangnya teknologi ke Malaysia, permainan tradisional amat popular dimainkan pada waktu petang oleh pelbagai peringkat umur (Ekunsanmi, 2012; Sahay, 2013). Namun pada masa ini, generasi muda lebih berminat untuk bermain melalui permainan berteknologi tinggi seperti permainan video dan permainan komputer serta menonton televisyen lebih banyak daripada keinginan untuk bermain dalam permainan sukan (Addy Putra et al., 2014; Akbari et al., 2009; Ekunsanmi, 2012). Hal ini menunjukkan pola bermain kanak-kanak menggunakan teknologi lebih popular dimainkan oleh kanak-kanak.

Generasi muda terutamanya pada hari ini lebih terdedah pada penggunaan teknologi sehingga melupakan budaya masyarakat setempat terutama budaya permainan tradisional. Mereka lebih tertumpu pada permainan moden berbanding permainan tradisional. Hal ini berlaku oleh sebab perubahan dan perkembangan teknologi. Semakin berkembang teknologi, semakin mudah permainan tradisional

dilupakan oleh kanak-kanak kerana mereka terpengaruh dengan permainan moden yang lebih menarik perhatian.

Keseronokan bermain permainan tradisional terhenti apabila kanak-kanak tidak lagi bermain permainan tradisional. Apabila kanak-kanak tidak lagi bermain permainan tradisional, keadaan ini akan mengakibatkan kepupusan permainan tradisional. Isu tentang permasalahan ini telah banyak dibincangkan seperti dalam keratan akhbar Rajah 1.1 yang memaparkan isu berkaitan mengekalkan permainan tradisional.



Rajah 1.1 Keratan Akhbar Tentang Isu Mengekalkan Permainan Tradisional

Perbincangan menjurus pada cara untuk memperkenalkan permainan tradisional supaya ia tidak terus pupus begitu sahaja. Pelbagai aspek boleh diambil kira termasuk penggunaan teknologi media baharusebagai medium komunikasi untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Media baharu perlu dikaji kerana ia

dapat memberikan implikasi yang mendalam kepada generasi muda terutama kanak-kanak.

1.4 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kajian literatur yang dikembangkan dalam latar belakang masalah, terdapat beberapa permasalahan yang telah dikenal pasti:

- i. Perubahan sosiobudaya telah menukar hampir keseluruhan corak bermain kanak-kanak. Daripada bermain dengan kawan-kawan dalam kumpulan di luar rumah kepada bermain secara bersendirian di hadapan layar di dalam rumah. Perubahan ini menyebabkan kanak-kanak semakin kurang bermain permainan tradisional.
- ii. Lambakan permainan moden juga turut menjadi punca permasalahan ini. Kanak-kanak lebih tertarik dengan permainan moden berbanding permainan tradisional. Persoalannya permainan tradisional masih kurang diketengahkan kepada umum terutama kanak-kanak. Sekiranya tiada usaha inovatif dan kreatif untuk memperkenalkan kembali permainan tradisional ini, maka permainan tradisional akan terus dilupai oleh generasi seterusnya.
- iii. Untuk memastikan kebudayaan permainan tradisional tidak hilang begitu sahaja, kanak-kanak perlu didedahkan dengan warisan seni permainan tradisional. Mereka boleh dipupuk melalui aktiviti, informasi dan sebaran maklumat melalui pelbagai medium terutama medium teknologi. Dengan pengolahan idea ini permainan tradisional boleh disebarkan, diperkenalkan dan dipelajari bersama.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah yang mempengaruhi perubahan pola bermain kanak-kanak?
- ii. Apakah medium yang dapat menarik minat kanak-kanak bermain permainan tradisional?
- iii. Bagaimanakah cara untuk melihat kebolegunaan aplikasi permainan tradisional yang dibangunkan?

1.6 Objektif Kajian

Khususnya, kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi objektif seperti berikut :

- i. Memetakan pola bermain kanak-kanak pada masa ini dengan meneroka bentuk permainan kanak-kanak.
- ii. Mereka bentuk permainan tradisional dalam bentuk aplikasi mudah alih.
- iii. Menguji kebolegunaan aplikasi permainan tradisional yang dibangunkan.

Secara ringkasnya pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian dihuraikan secara ringkas dalam Jadual 1.1

Pernyataan Masalah	Persoalan Kajian	Objektif Kajian
<ul style="list-style-type: none"> Perubahan sosiobudaya, menyebabkan perubahan pola bermain kanak-kanak 	<ul style="list-style-type: none"> Apakah yang mempengaruhi perubahan pola bermain kanak-kanak? 	<ul style="list-style-type: none"> Memetakan pola bermain kanak-kanak pada masa ini dengan meneroka bentuk permainan kanak-kanak.
<ul style="list-style-type: none"> Lambakan permainan moden menyebabkan permainan tradisional dipinggirkan 	<ul style="list-style-type: none"> Apakah kaedah yang boleh digunakan untuk menghidupkan semula permainan tradisional? 	<ul style="list-style-type: none"> Mereka bentuk aplikasi permainan tradisional dalam konteks mudah alih
<ul style="list-style-type: none"> Permainan moden hadir dalam pelbagai medium, mudah alih dan bersifat interaktif 	<ul style="list-style-type: none"> Bagaimanakah cara untuk melihat keberkesanan sistem permainan tradisional yang dibangunkan? 	<ul style="list-style-type: none"> Menguji kebolegunaan aplikasi permainan tradisional yang dibangunkan

Jadual 1.1 Ringkasan Permasalahan, Persoalan dan Objektif Kajian

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Malaysia terkenal dengan masyarakat majmuk dan berbilang kaum, oleh itu skop dan batasan kajian perlu diperincikan. Kajian ini akan menumpukan pada permainan tradisional masyarakat Melayu sahaja. Oleh sebab ilmu tentang permainan tradisional perlu diterapkan pada awal usia, maka kajian ini akan dijalankan terhadap golongan sasaran, iaitu pelajar sekolah rendah yang terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari umur tujuh tahun hingga sembilan tahun.

Lokasi kajian tertumpu di sekitar Pulau Pinang kerana negeri ini telah disenaraikan sebagai satu daripada tapak warisan dunia UNESCO. Pulau Pinang ialah tempat yang penting kepada warisan budaya seperti yang telah dinyatakan dalam Konvensyen Warisan Dunia UNESCO (sumber daripada laman sesawang Jabatan Warisan Negara). Maka pemilihan lokasi ini bersesuaian untuk melaksanakan kajian berkenaan warisan budaya tempatan. Walaupun Pulau Pinang bukanlah negeri yang

terkenal dengan penghasilan dan pembuatan permainan tradisional, namun negeri ini mempunyai tarikan warisan kebudayaan yang tinggi. Kedatangan pelancong luar dan dalam negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang unik dan sesuai untuk diterokai.

Bagi melaksanakan kajian ini pemilihan sampel kumpulan sasaran perlu ditetapkan supaya golongan sasaran yang diperlukan lebih mudah ditembusi. Kajian ini telah menyasarkan kumpulan pelajar sekolah rendah tahun satu, tahun dua dan tahun tiga. Apabila melibatkan pelajar sekolah pemilihan kawasan sekolah juga perlu ditentukan supaya sampel yang dipilih lebih berfokus. Pemilihan kawasan sekolah diputuskan melalui senarai nama sekolah yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan senarai tersebut, sekolah dari bahagian PPD Barat Daya telah dipilih kerana majoriti pelajarinya terdiri daripada pelajar Melayu dan hal ini bertepatan dengan skop kajian yang menjurus pada permainan tradisional masyarakat Melayu.

Dalam pembangunan prototaip pula, peranti yang dipilih adalah dari platform android. Pemilihan platform android adalah kerana majoriti masyarakat Malaysia menggunakan platform android berbanding platform IOS (Apple). Platform android digunakan untuk memaparkan hasil audio dan visual yang dibangunkan kepada kumpulan sasaran. Keseluruhan reka bentuk prototaip akan dibangunkan melalui perisian Adobe Maya dan Adobe Photoshop. Perisian ini akan digunakan untuk fasa reka bentuk, animasi, interaktif dan pengaturcaraan.

Konsep permainan berdasarkan permainan tradisional dengan penggunaan platform mudah alih seperti komputer, tablet dan telefon pintar. Permainan yang akan

dibangunkan adalah berdasarkan permainan laman dan permainan berpasukan kerana kedua jenis permainan ini ialah permainan yang paling popular dalam permainan tradisional. Pembangunan soal selidik dibangunkan melalui tinjauan multimedia dan melibatkan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya.

Kajian ini menitikberatkan etika penyelidikan. Untuk pengumpulan data kumpulan sasaran, satu permohonan kajian telah dibuat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan sekolah-sekolah di Pulau Pinang. Setelah mendapat kelulusan, proses pengumpulan data dimulakan dengan penetapan populasi dan sampel kajian. Pemilihan jumlah sampel telah ditetapkan melalui sampel saiz Krejcie dan Morgan, seramai 432 orang sampel terlibat dan dipilih melalui kaedah rawak berlapis.

Model ADDIE (Rosset, 1987) yang dikembangkan oleh Raiser dan Mollenda telah digunakan dalam banyak pembangunan interaktif dan dilihat sangat efektif dan berkesan dalam reka bentuk produk. Dalam kajian ini Model ADDIE digunakan sebagai panduan dalam proses merangka pembangunan reka bentuk prototaip aplikasi permainan tradisional pada fasa dua. ISO 13407 *standard for human-centered design processes for interactive systems*. Standard ISO 13407 ialah standard untuk proses reka bentuk yang berpusatkan manusia bagi sistem interaktif turut digunakan dalam merangka keseluruhan proses reka bentuk. Standard ISO 13407 juga melibatkan proses pengumpulan data yang memfokuskan pengguna dengan mengenal pasti karakter pengguna dan memahami konteks kajian dengan mengumpul data-data yang diperlukan.

Berdasarkan data yang diperoleh, prototaip perlu dibangun dengan berpusatkan pengguna melalui penggunaan model Human Computer Interaction. Elemen reka bentuk antara muka perlu diteliti kerana ia memainkan peranan penting dalam meningkatkan rupa dan rasa prototaip yang dibangun. Antara elemen reka bentuk antara muka yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah interaktif, warna, tipografi, susun atur, navigasi, audio dan animasi. Setiap daripada elemen tersebut dapat meningkatkan kepuasan pengguna ketika berinteraksi dengan prototaip yang dibangun. Berpandukan keperluan kajian, berikut ialah senarai ringkasan skop dan batasan yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Profil	Lokasi
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekolah • Berumur 7-9 tahun • Lelaki & Perempuan • Kelas 1 - Kelas 3 	Sekolah di Pulau Pinang (UNESCO) Heritage World <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah PPD Barat Daya • Sekolah Bandar & Luar Bandar
Senarai Sekolah	
<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Kebangsaan Sg. Batu • Sekolah Kebangsaan Batu Maung • Sekolah Kebangsaan Teluk Kumbar • Sekolah Kebangsaan Balik Pulau • Sekolah Kebangsaan Sg Nibong • Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas 2 	<ul style="list-style-type: none"> – Luar Bandar – Luar Bandar – Luar Bandar – Bandar – Bandar – Bandar
Reka bentuk dan Pembangunan Prototaip	
<ul style="list-style-type: none"> • Platform Android • Perisian Adobe Flash (Soal Selidik Multimedia) • Perisian Maya / Photoshop (Reka bentuk / Animasi / Pengaturcaraan) • Peranti mudah alih – Tablet / Telefon mudah alih / Komputer) 	
Skop Permainan Tradisional	
<ul style="list-style-type: none"> • Permainan Tradisional Melayu • Permainan Laman & Permainan Berpasukan 	
Model Rujukan Kajian	
<ul style="list-style-type: none"> • ADDIE Model • HCI ISO 13407 (Human Computer Interaction) • Penilaian Heuristik • Sampel Saiz Krejcie dan Morgan • Teori Pembelajaran Kognitif, Behaviorisme, Konstruktivisme 	


Jadual 1.2 Ringkasan Skop dan Batasan Kajian Penyelidikan

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Terdapat tiga fasa pelaksanaan yang diaplikasikan dalam kajian ini. Fasa pertama ialah kajian tinjauan untuk mendapatkan data awal. Kaedah temu bual digunakan bagi meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji. Temu bual akan dijalankan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan pakar dan kumpulan

berfokus. Fasa kedua ialah fasa penyediaan soal selidik untuk kajian rintis dan kajian sebenar. Fasa ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan pengetahuan permainan, pendedahan teknologi dan kemahiran media dan visual. Kaedah soal selidik multimedia digunakan sepenuhnya dalam fasa ini. Keputusan daripada fasa ini kemudian dikumpul dan dianalisis untuk pembangunan reka bentuk prototaip. Setelah prototaip siap dibangunkan, fasa tiga pengujian dan penilaian prototaip akan dilaksanakan. Penilaian ini berpandukan penilaian heuristik untuk menguji kebolegunaan produk yang dibangunkan.


Kajian ini menitikberatkan pembangunan reka bentuk produk dengan penerapan falsafah dibelakangnya. Produk yang dihasilkan ialah pembangunan prototaip permainan tradisional dan falsafah yang menjadi rujukan ialah kandungan nilai permainan tradisional yang merupakan warisan kepada kebudayaan masyarakat Melayu. Nilai permainan tradisional ini amat penting diterokai kerana setiap permainan tradisional mempunyai fungsi dan struktur permainan yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat. Kerangka konseptual bagi kajian ini telah dihuraikan secara ringkas dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kerangka Teori Kajian

Permainan dan pembelajaran mempunyai hubung kait yang sangat rapat dalam kehidupan kanak-kanak. Melalui bermain mereka dapat belajar mengenai perkembangan dan sikap mereka terhadap pengetahuan baharu. Perkembangan pengetahuan dan sikap ini dapat dilihat melalui bantuan teori seperti teori kognitif, behaviorisme dan konstruktivisme. Pemilihan teori ini berdasarkan teori pembelajaran yang menekankan ciri pembelajaran yang bersesuaian untuk kanak-kanak yang berumur antara 7 tahun hingga 9 tahun. Kajian ini turut menggunakan bantuan model reka bentuk ADDIE dan HCI (ISO 13407). Berikut ialah ringkasan teori yang menjadi landasan kajian seperti dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3 Kerangka Teori Kajian

Menurut teori belajar behaviorisme, belajar ialah perubahan tingkah laku yang berlaku sebagai akibat adanya interaksi antara rangsangan dan tindak balas. Seseorang dianggap telah belajar sesuatu apabila ia mampu menunjukkan perubahan tingkah laku. Teori belajar kognitif pula memfokuskan cara maklumat yang diterima oleh seseorang dihubungkan dengan pengetahuan sedia ada dan cara ia bertindak balas

terhadap maklumat yang diterima yang menyebabkan pemahaman. Teori belajar konstruktivisme merujuk pelajar berfikir untuk menyelesaikan setiap persoalan yang dihadapi.

Setiap teori yang dipilih akan dikembangkan dalam setiap fasa penyelidikan. Hasil kajian ini penting untuk melihat perubahan bermain kanak-kanak. Dengan itu, pemetaan pola bermain kanak-kanak dapat direkodkan dan kandungan pengumpulan data dapat digunakan sebagai rujukan dalam pembangunan reka bentuk prototaip. Selain itu, pendedahan dan kefahaman kanak-kanak terhadap permainan tradisional dapat dinilai dan diuji.

1.10 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini adalah penting untuk:

- i. Membangunkan satu garis panduan yang boleh dirujuk oleh penyelidik dan pembina seterusnya dalam menghasilkan pelbagai jenis aplikasi yang bersifat kearifan tempatan.
- ii. Memberikan manfaat kepada kanak-kanak dalam menambahkan pengetahuan permainan tradisional dalam konteks media baharu melalui aplikasi mudah alih.
- iii. Menguji keberkesanan aplikasi multimedia dalam penyebaran maklumat kearifan tempatan kepada kanak-kanak.

1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional memberikan informasi ilmiah dan melihat cara untuk mengukur suatu pemboleh ubah dengan memahami setiap istilah yang dibincangkan serta mengenal pasti pemboleh ubah yang menjadi rujukan bagi setiap fasa kajian. Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Berikut ialah ringkasan pemboleh ubah dan definisi operasional kajian.

Pemboleh ubah	Difinisi Operasional
<ul style="list-style-type: none">• Umur dan Jantina	<ul style="list-style-type: none">• Karakteristik dan latar belakang
<ul style="list-style-type: none">• Pengetahuan permainan tradisional	<ul style="list-style-type: none">• Pola dan sikap
<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan teknologi, media dan visual	<ul style="list-style-type: none">• Pengalaman dan pendedahan
<ul style="list-style-type: none">• Penilaian prototaip	<ul style="list-style-type: none">• Kebolehgunaan antara muka

Jadual 1.4 Definisi Operasional Mengikut Keperluan Pemboleh Ubah

Setiap pemboleh ubah yang telah disenaraikan dalam Jadual 1.4 ialah definisi operasional yang perlu dikaji dan dianalisis. Pemboleh ubah umur dan jantina adalah untuk melihat karakteristik dan latar belakang responden. Pemboleh ubah pengetahuan permainan tradisional adalah untuk melihat pola dan sikap responden. Variabel penggunaan teknologi, media dan visual adalah untuk melihat pengalaman dan pendedahan responden. Pemboleh ubah penilaiain prototaip pula adalah untuk melihat kebolehgunaan antara muka yang dibangunkan kepada pengguna.

1.12 Rumusan Bab

Secara kesimpulannya bab ini menerangkan proses dapatan awal tentang isu permainan tradisional yang telah dibangkitkan. Dengan meneliti dan mengenal pasti permasalahan kajian, maka objektif dan persoalan kajian telah ditetapkan. Terdapat tiga objektif, tiga persoalan, dan tiga permasalahan kajian yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Setiap permasalahan yang disenaraikan dihuraikan dengan terperinci di dalam Jadual 1.0. Konteks kandungan seperti sejarah, falsafah, struktur dan nilai permainan tradisional disampaikan dan dibincangkan secara terperinci.

Begitu juga dengan penggunaan teknologi yang telah memberikan implikasi terhadap perkembangan bermain kanak-kanak. Konteks permainan digital dan faedahnya turut disenaraikan. Setelah meneliti isi kandungan dan memahami medium yang diperlukan maka skop dan batasan kajian ditetapkan supaya kajian yang dilaksanakan lebih tertumpu kepada golongan sasaran yang memerlukan. Dengan itu sampel dikenal pasti dan pemilihan lokasi ditentukan. Kepentingan kajian turut dinyatakan untuk melihat manfaat yang dapat diberikan kepada generasi muda.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tinjauan literatur yang berkaitan dengan merekayasa permainan tradisional dalam konteks aplikasi mudah alih. Tinjauan ini akan memfokuskan perubahan pola bermain kanak-kanak, warisan permainan tradisional, penggunaan teknologi mudah alih pada masa ini, perkembangan kanak-kanak belajar berpandukan teori dan proses reka bentuk produk. Kandungan sorotan literatur ini meliputi kajian dan penulisan terdahulu yang dapat memberikan perkongsian dan penilaian terhadap kajian yang sedang dilaksanakan. Asas pelaksanaan kajian ini turut dibahagikan mengikut katogeri seperti peninjauan subjek dan topik kajian, penggunaan teori dan model rujukan, pemilihan topik dan subtopik yang diperlukan dalam kajian.

2.2 Bermain dan Permainan Tradisional

Menurut National Heritage Act (2005), warisan ialah sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ia menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya. Sesuatu warisan itu perlu diwarisi dan dikekalkan kerana warisan tersebut menggambarkan cara hidup dan jati diri sesuatu bangsa. Begitu juga dengan permainan tradisional yang menjadi sebahagian warisan adat dan budaya masyarakat zaman dahulu. Warisan juga diistilahkan sebagai peninggalan generasi lampau yang menjadi tatapan generasi

sekarang. Warisan ini sebagai pusaka atau panduan dan renungan bagi generasi berikutnya yang prihatin dengan perjalanan sesebuah tamadun (Mikdar Rusdi, 2011).

Secara umumnya warisan terbahagi kepada dua, iaitu warisan ketara (*tangible heritage*) dan warisan tidak ketara (*intangible heritage*). Warisan ketara merujuk sesuatu yang kekal, boleh dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. Statik merujuk benda seperti monumen, tapak tanah bersejarah, dan bangunan yang tidak boleh dipindahkan. Manakala mudah alih merujuk kepada artifak yang boleh dipindahkan seperti ukiran kayu, manuskrip, batu nisan dan tekstil. Warisan tidak ketara ialah warisan yang tidak nyata seperti ilmu kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai adat dan budaya bahasa dan persuratan. Antara contoh warisan yang tidak ketara seperti acara perayaan, ritual, seni persembahan, seni perubatan tradisional dan permainan tradisional. Permainan tradisional termasuk dalam kategori warisan tidak ketara dalam kelompok adat dan budaya.

Warisan tidak ketara selalunya dikaitkan dengan kepakaran dan ilmu pengetahuan yang diterima melalui pembelajaran atau pengalaman yang diwarisi. Hal ini dapat dilihat melalui kesenian tradisional seperti adat istiadat, kepercayaan, makanan dan permainan rakyat. Kebiasannya, warisan tidak ketara dihasilkan melalui aktiviti budaya dan diwarisi secara turun temurun (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015). Sebagai hasil warisan budaya yang diperturunkan, manusia menjadi lebih bertamadun dan berilmu pengetahuan. Kepentingan menjaga warisan tidak ketara perlu dipandang serius kerana melaluinya kesenian dan keunikan identiti sesuatu bangsa dapat diperkukuh.